

21 JUN 2003

Umno-Gulung (Musa)

MEMPERKASAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN WAWASAN UMNO SEJAK DULU - MUSA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata program pendidikan negara masa kini adalah manifestasi pemikiran dan cetusan idea Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meliputi jangka waktu melebihi 30 tahun sejak dilantik sebagai Menteri Pendidikan pada 1974.

Katanya, asas persaingan dan perjuangan anak-anak adalah bermula dari sekolah kebangsaan, dan sokongan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan adalah wawasan dan perjuangan Umno sejak dahulu lagi.

"Saya dan seluruh warga Kementerian Pendidikan memang bertekad dan melipatgandakan usaha meningkatkan kualiti melalui penyediaan prasarana yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap, guru yang cukup dan berkualiti, pedagogi pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai dan penyediaan mata pelajaran pendidikan agama yang kukuh," katanya semasa sesi penggulungan usul pendidikan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini, hari ini.

Musa yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno yakin dengan perancangan yang sedia ada, sekolah kebangsaan akan menjadi lebih perkasa dan anak-anak Melayu mampu berdaya saing dan mampu mencapai kejayaan yang lebih baik.

"Selagi Umno berdiri teguh di belakang Kementerian Pendidikan, selagi Umno menjadi rakan pendidikan rakyat, selagi ahli-ahli Umno berjuang untuk memartabatkan pendidikan anak-anak Melayu, selagi itulah masa depan yang cerah menanti bangsa Melayu, walaupun persaingan di masa hadapan menjadi lebih hebat," katanya.

Musa berkata saranan para perwakilan agar profesion perguruan dimartabatkan, prasarana pendidikan bandar-luar bandar diseimbangkan, kurikulum dikemaskini dan sekolah satu sesi diperluaskan adalah saranan yang diterima baik dan sedang pun dilaksanakan oleh kementerianya.

Mengenai pendidikan agama, Musa berkata sekiranya pendidikan agama diajar dengan betul dan tidak dijadikan alat politik, ia akan menjadi tunjang kepada pembinaan semangat jati diri dan daya kental perjuangan Melayu.

"Dalam hal ini Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan Tan Sri Murad Mohd Noor sedang menyudahkan kajiannya dan dipercayai akan menampilkan saranan yang mantap dan utuh untuk memartabatkan pendidikan agama dan seterusnya memperkasakan lagi sekolah-sekolah kebangsaan.

"Sama-samalah kita tunggu saranan-saranan daripada jawatankuasa Tan Sri Murad untuk memantapkan lagi pendidikan agama di sekolah-sekolah kebangsaan," katanya.

Mengenai pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang mula diperkenalkan tahun ini, Musa berkata hasil pemantauan dan kajian di tujuh buah negeri - Perlis, Kedah, Wilayah Persekutuan, Melaka, Johor, Terengganu dan Sabah

- hasil ujian kefahaman mendapati peratusan pencapaian bahasa Inggeris amat membanggakan.

Menyentuh mengenai meritokrasi, Musa berkata pada keseluruhannya prinsip kemasukan ke universiti berdasarkan merit diterima ramai sebagai landasan pembinaan jati diri, daya saing dan budaya kecemerlangan.

"Namun kemerosotan kemasukan pelajar Bumiputera daripada 69 peratus kepada 63 peratus tahun ini telah menimbulkan tanda tanya sama ada meritokrasi menguntungkan kaum Bumiputera," katanya.

Selain itu Musa berkata peratusan kemasukan Bumiputera ke tiga bidang

utama iaitu farmasi, undang-undang dan ekonomi juga telah mencatat kemerosotan dengan farmasi dan ekonomi masing-masing sebanyak 35 peratus, manakala undang-undang 15 peratus.

"Saya masih ingat bahawa dalam ucapan penggulungan saya pada perhimpunan tahun lepas, saya telah mengatakan bahawa kedudukan begitu baik tahun lalu mungkin akan tergugat sekiranya persaingan antara kaum untuk memasuki universiti menjadi lebih hebat.

"Ini adalah lumrah dalam persaingan, namun demikian kita harus berbangga bahawa kemasukan pelajar Bumiputera masih berupaya mencatat peratusan melebihi 55 peratus sekiranya sistem kuota dilaksanakan," katanya.

-- BERNAMA
MS KHY MOZ